

**Lebih 30,000 Rakyat Hadir Di Sepanjang Jalan Bagi Keberangkatan Pergi Sultan Dan Sultanah Kedah Ke KL**  
**Bernama**  
**13 Disember, 2011**

ALOR SETAR, 13 Dis (Bernama) -- Lebih 30,000 rakyat Kedah daripada pelbagai bangsa dan peringkat masyarakat hadir di sepanjang jalan dari Istana Anak Bukit ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim sejauh 5.3 kilometer, untuk mengucapkan selamat berangkat kepada Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Tuanku Haminah Hamidun ke Kuala Lumpur pagi ini.

Sebelum berangkat dari anjung Istana Anak Bukit di sini, doa dibacakan dan azan dilaungkan sebelum Nobat 'Raja Berangkat' dimainkan oleh kumpulan Nobat diRaja.

Tuanku berdua yang berpakaian rasmi berangkat dari Istana Anak Bukit ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim pada pukul 7.30 pagi dengan kawalan polis bermotosikal.

Ketibaan baginda berdua di lapangan terbang disambut oleh Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan isteri Datin Seri Faekah Sheikh Hamzah serta orang kenamaan negeri.

Azizan kemudian mengiringi Sultan dan Sultanah Kedah ke pentas DiRaja dan diikuti persembahan 'Hormat' DiRaja' oleh 103 orang pegawai dan anggota pasukan Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu (RAMD) dan lagu Negaraku dimainkan sambil tembakan meriam 18 das dilepaskan.

Baginda kemudian memeriksa pasukan tersebut dan pada masa sama bendera Yang di-Pertuan Agong dikibarkan dan diikuti bacaan doa oleh Mufti kerajaan Kedah, Datuk Sheikh Badaruddin Ahmad.

Sultan Kedah sekali lagi dipersembahkan 'Hormat DiRaja' oleh Batalion Kedua RAMD dan membalas tabik hormat yang diikuti lagu Negaraku sebelum baginda berdua berangkat menaiki pesawat DiRaja untuk berlepas ke Kuala Lumpur.

Tuanku Abdul Halim dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 menggantikan Tuanku Mizan Zainal Abidin berkuat kuasa hari ini.

Sementara itu seorang rakyat Kedah yang ditemui Bernama, J. Kandi, 52, berkata beliau tidak mahu melepaskan peluang melihat lebih dekat Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Haminah.

"Sebagai rakyat Kedah, saya berbangga Tuanku Abdul Halim dilantik menjadi Agong bagi kali kedua yang merupakan sejarah buat rakyat negeri ini," katanya.

Abdul Manaf Yahya, 61, berkata beliau bersama isteri dan dua anaknya datang dari Alor Janggus semata-mata mahu mengucapkan selamat jalan kepada baginda berdua.

"Saya sering membawa ahli keluarga jika ada majlis seperti ini. Saya rasa besar hati atas pelantikan Tuanku sebagai Yang di-Pertuan Agong tetapi sedih kerana baginda meninggalkan Kedah buat sementara waktu.

Seorang pelajar Kolej Matrikulasi Kedah, Nadhilah Mohd Razak, 18, berkata walaupun terpaksa keluar seawal pukul 5 pagi, perasaan mengantuk hilang kerana berasa sangat teruja.

"Sebelum ini saya tidak pernah melihat dengan dekat pasangan DiRaja ini dan hari ini impian itu tercapai walaupun dapat melihat dalam masa singkat," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=633753>